

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN
BILANGAN 2 TAHUN 2016**


**KEISTIMEWAAN KEPADA SYARIKAT-SYARIKAT PEMAJU
PERUMAHAN YANG MENYERTAI EXPO HARTANAH MALAYSIA
(MAPEX) PERINGKAT NEGERI KELANTAN.**

Pekeling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Jajahan Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali Ke 25/2015 yang bersidang pada 23 Disember 2015, telah membuat keputusan untuk dan telah membuat keputusan bersetuju untuk memberi keistimewaan kepada pemaju-pemaju yang menyertai EXPO Hartanah Malaysia peringkat Negeri Kelantan.

2. Keistimewaan ini diberikan, pada setiap kali Expo Hartanah Malaysia (MAPEX) kepada syarikat-syarikat pemaju yang menyertai Expo Hartanah Malaysia (MAPEX) peringkat Negeri Kelantan yang diadakan oleh Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia Cawangan Negeri Kelantan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kelantan.
3. Keistimewaan-keistimewaan yang diberikan kepada Orang Melayu Bukan Anak Kelantan dibenarkan membeli rumah tanpa kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan jika memenuhi kesemua syarat - syarat dan keistimewaan-keistimewaan yang diberikan adalah seperti berikut:-
 - 3.1 Keistimewaan hanya diberikan kepada syarikat-syarikat pemaju perumahan dan juga kepada pembeli-pembeli rumah yang menyertai kempen. Sijil penyertaan seperti di **lampiran 1** akan diberikan kepada syarikat-syarikat berkenaan yang layak.

- 3.2 Untuk mendapat keistimewaan yang akan diberikan, semua dokumen hendaklah diserahkan untuk urusan pendaftaran bagi tahun-tahun akan datang, keistimewaan diberikan dalam tempoh 6 bulan selepas kempen Peringkat Negeri diadakan.
- 3.3 Pengecualian bayaran pendaftaran pindahmilik bagi pembeli rumah mampu milik hanyalah bagi pendaftaran pindahmilik pertama sahaja.
- 3.4 Pengecualian bayaran pendaftaran gadaian bagi pembeli rumah mampu milik hanyalah bagi gadaian pertama sahaja.
- 3.5 Orang-Orang Melayu Bukan Anak Kelantan dibenarkan membeli rumah tanpa kelulusan MMK dengan pindaan syarat dalam Arahan PTG Bil.5.2009 iaitu kepada jika memenuhi salah satu syarat berikut :-
 - a) Beristeri @ bersuami dengan orang peranakan Kelantan Atau;
 - b) Bekerja dengan Kerajaan atau Agensi Kerajaan di Kelantan Atau;
 - c) Mempunyai pertalian mengikut waris terdekat sebagaimana Pekeliling PTG Bil.4/1994 dengan seorang peranakan Kelantan
- 3.6 Prosedur pendaftaran pindah milik tanah yang diberi keistimewaan bagi pemaju-pemaju yang menyertai Expo Hartanah Malaysia peringkat Negeri Kelantan sebagaimana di **lampiran 2**.
- 3.7 Perlu membuat bayaran sijil kelulusan pindahmilik di bawah seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938 dan seksyen 120 Kanun Tanah Negara 1965, dan bayaran untuk membuka fail permohonan kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan dan serta bayaran - bayaran lain seperti biasa.

- 4 Pengarah Tanah dan Galian diberi kuasa untuk meluluskan keistimewaan pada setiap kali Expo Hartanah Malaysia (MAPEX) peringkat Negeri Kelantan yang akan diadakan pada tahun-tahun berikutnya dengan menyertakan nama syarikat –syarikat pemajuan perumahan yang menyertai Expo tersebut dengan disertakan nama projek dan lokasi projek sebagaimana di **Lampiran 3**.
- 5 Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan Bil. 2/2001, Bil.2/2002 dan Bil.2/2003 , Arahan Pengarah Tanah Dan Galian Kelantan Bil.1/2002 dan Bil 1/2006 dengan ini dibatalkan.
- 6 Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut.
- 7 .Pekeliling ini berkuatkuasa serta merta.



(DATO' HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD), D.P.S.K. (KELANTAN)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADА :

Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan.

SALINAN KEPADA :

YAB. Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan

YB. Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan

YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

YB. Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan

YB. Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan

YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan

YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan

Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian
Negeri Kelantan
Blok 3, Kompleks Kota Darulnaim
15576 Kota Bharu
Kelantan.

No.Fail : PTG.KN.9/3/2 JLD.3(18)
Bertarikh : 24 Zulhijjah 1437H
06 hb. Jan. 2016

**SIJIL PESERTA
EXPO HARTANAH MALAYSIA
(MAPEX)**

Adalah disahkan bahawa

Telah menyertai Expo Hartanah MAPEX peringkat Negeri Kelantan.

Pada :

Maklumat Projek :

**PENGARAH TANAH DAN GALIAN
KELANTAN**

**KETUA PENOLONG SETIAUSAHA
(PERUMAHAN)**

Bertarikh :

Lampiran 2

**PROSEDUR PENDAFTARAN PINDAH MILIK TANAH YANG DIBERI
KEISTIMEWAAN BAGI PEMAJU-PEMAJU YANG MENYERTAI EXPO
HARTANAH MALAYSIA PERINGKAT NEGERI KELANTAN**

A. PERMOHONAN

1. Permohonan yang diterima hendaklah disertakan dokumen berikut:
 - a) Borang Pindahmilik (Borang 14A) yang lengkap.
 - b) Borang Gadaian (Borang 16A) jika melibatkan gadaian.
 - c) Salinan Sah Perjanjian jual beli jika ada.
 - d) Salinan Sah dokumen-dokumen yang dapat menentukan status bakal penerima pindahmilik berkenaan.(Sebagai contoh salinan kad pengenalan, sijil lahir individu berkaitan, pengesahan Ketua Jabatan, rekod perkhidmatan dan akuan sumpah yang berkaitan.)
 - e) Salinan sah Sijil Peserta Expo Hartanah Malaysia (MAPEX).
 - f) Salinan resit hasil tanah semasa.
 - g) Bayaran memfail permohonan dan bayaran lain seperti biasa.
 - h) Bayaran Sijil kelulusan Pindahmilik di bawah Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938.
 - i) Bayaran balasan pindahmilik (Pekeliling PTG Bil. 9/2015).

B. SIASATAN

1. Pentadbir Tanah hendaklah membuka fail siasatan ringkas untuk menentukan status sebenar bakal penerima pindahmilik.
2. Setelah siasatan dibuat fail berkenaan hendaklah diangkat kepada PTG untuk pengesahan dan penyediaan Sijil Kelulusan Pindahmilik di bawah Seksyen 104 Enakmen 1938.

**SENARAI SYARIKAT PEMAJU-PEMAJU PERUMAHAN YANG
MENYERTAI EXPO HARTANAH MALAYSIA PERINGKAT
NEGERI KELANTAN BAGI TAHUN**

Disediakan

Disahkan ,

Pengerusi REDHA

KETUA PENOLONG SETIAUSAHA (PERUMAHAN)